



**KENYATAAN MEDIA**  
**YAB MENTERI BESAR PAHANG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
dan Salam Sejahtera.

1. Kerajaan Negeri Pahang amat prihatin dengan situasi yang berlaku kini akibat daripada penularan wabak Covid-19 khususnya di negeri Pahang Darul Makmur. Sehingga 23 Mac 2020, seramai 56 orang pesakit telah dikenalpasti positif Covid-19 di negeri Pahang. Angka ini mencatat peningkatan hampir setiap hari dan amatlah membimbangkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan telah mula menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lebih ketat dengan menghadkan waktu operasi premis-premis sehingga jam 7.00 malam sahaja berkuatkuasa 21 Mac 2020 yang lalu. Bermula 24 Mac 2020, arahan menghadkan waktu operasi ini diperluaskan lagi kepada premis stesen minyak dan kiosk stesen minyak.
2. Dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang kita hadapi sekarang, saya percaya ramai dikalangan rakyat yang terjejas sumber pendapatan dan menerima kesan langsung mahupun tidak langsung. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kerajaan Negeri Pahang akan terus berusaha untuk membantu mereka yang terjejas sumber pendapatan melalui inisiatif-inisiatif berikut sebagai tambahan kepada apa yang telah diumumkan pada minggu lepas. Inisiatif-inisiatif yang diumumkan ini adalah daripada sumber peruntukan Kerajaan Negeri. Insya Allah, sebagai Kerajaan Negeri yang menitikberatkan soal kebajikan rakyat, akan ada lagi inisiatif yang akan kita salurkan samada melalui peruntukan Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

- 2.1 Melalui peruntukan khas kerajaan Negeri sebanyak **RM3.587 juta**, Kerajaan Negeri Pahang akan memberikan **bantuan khas tunai secara “one-off”** sebanyak **RM150** dan **barangan makanan seperti beras, tepung, gula dan sebagainya bernilai RM50** seorang kepada kira-kira **17,935 orang penerima** yang terdiri daripada mereka yang terkesan secara langsung dan terputus sumber pendapatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan ini. Proses agihan bantuan khas ini akan bermula pada hari esok, **24 Mac 2020** dan akan diuruskan oleh Pegawai Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di setiap daerah. Perlu diingatkan bahawa mereka yang akan menerima bantuan khas ini untuk terus patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan yang sedang berkuatkuasa sekarang. Tidak perlu hadir ke mana-mana pejabat kerajaan untuk urusan bantuan ini. Kekal tinggal di rumah masing-masing. Agihan bantuan akan dibuat secara terus ke rumah mereka yang terlibat.
- 2.2 Menyediakan peruntukan khas kepada setiap 42 Ahli Dewan Negeri di Pahang bagi membantu secara terus rakyat yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19 ini. Jumlah keseluruhan peruntukan tersebut adalah **RM252,000**.
- 2.3 Memberikan **potongan 50 peratus** daripada kadar sewa bulanan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) dan Rancangan Rumah Murah (RRM) di seluruh Negeri Pahang bagi bulan April 2020. Inisiatif ini akan memberi faedah kepada **2,453 penyewa** dan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri sebanyak **RM150,000**.
- 2.4 Sebagai tanda sokongan dan simpati Kerajaan Negeri Pahang dan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pahang kepada golongan penjaja dan peniaga kecil, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan **potongan 50 peratus** bagi bayaran bulan April 2020 untuk bayaran sewaan gerai dan lain-lain kemudahan PBT, bayaran permit pasar tani, pasar pagi, pasar malam dan *car boot sale*. Inisiatif ini akan memberi

manfaat kepada **6,238 peniaga kecil dan penjaja** serta melibatkan implikasi kewangan kepada PBT sebanyak **RM1.293juta**.

- 2.5 Pada minggu lepas saya telah mengumumkan bahawa pembayaran bulan April bagi penerima Bantuan Am JKM seramai 2,895 penerima akan diawalkan iaitu pada 27 Mac 2020. Pada hari ini, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang akan turut mempercepatkan pembayaran bagi lain-lain jenis Bantuan Kewangan JKM. Ini bermakna pembayaran tersebut juga akan dibuat pada 27 Mac 2020. Ianya merangkumi Bantuan Kanak-Kanak, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan OKU Tidak Bekerja, Bantuan Orang Tua, Bantuan Anak Pelihara dan Bantuan Latihan Perintis. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada **26,806 penerima** melibatkan peruntukan sebanyak **RM8.95 juta**.
- 2.6 Sebagai menghargai jasa dan pengorbanan petugas-petugas di bilik gerakan operasi serta anggota-anggota pasukan keselamatan yang terlibat dengan operasi penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan di Negeri Pahang, Kerajaan Negeri Pahang bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak **RM765,800** bagi menampung kos penyediaan makanan kepada petugas-petugas yang terlibat.
3. Selain daripada inisiatif-inisiatif yang saya umumkan ini, pihak Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) juga turut menyediakan peruntukan-peruntukan khas kepada asnaf-asnaf yang terlibat.
4. Seperti yang telah saya umumkan pada minggu lepas tentang penubuhan TABUNG COVID-19 PAHANG, Kerajaan Negeri Pahang amat mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat swasta terutamanya yang beroperasi di negeri Pahang juga kepada mana-mana pihak yang bermurah hati untuk menyumbang kepada tabung ini. Sumbangan boleh dibuat melalui pindahan bank atau *Automated Teller Machine* (ATM) kepada akaun berikut :

**Nama : PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG**  
**No Akaun : 06010002165711**  
**Bank : BANK MUAMALAT**  
**Perihal : TABUNGCOVID19PAHANG**

Sumbangan kepada tabung ini juga boleh dibuat melalui aplikasi digital PahangGo. Sehubungan dengan itu, saya menyeru untuk sama-sama kita menyumbang bagi menzahirkan tanda keprihatinan dan tanggungjawab untuk membantu Kerajaan Negeri bagi memberi bantuan kepada rakyat yang terkesan daripada langkah-langkah pengawalan wabak Covid-19 ini. Saya juga ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada syarikat-syarikat korporat dan individu-individu yang telah menyumbang kepada Tabung Covid-19 Pahang ini.

5. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Pahang kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha membendung wabak pandemik Covid-19 di Negeri Pahang. Merekalah wira sebenar yang sanggup berkorban berada di barisan hadapan, bertugas siang dan malam tanpa mengenal erti penat dan lelah. Bersamalah kita berdoa agar mereka semua terus diberikan kekuatan dan kesabaran menghadapi tugas mencabar ini.
6. Kepada semua rakyat negeri Pahang, saya menyeru agar kita terus patuh kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini. "*Just stay at home*" kerana kita ingin putus rantai virus ini. Jika ini berjaya kita lakukan, Insya Allah tiada lagi kes baru dan kita boleh tumpu untuk pulihkan pesakit sediaada.
7. Semoga semua usaha keras untuk menangani wabak Pandemik COVID-19 ini akan berjaya, In Sya Allah.

**YAB DATO' SRI HAJI WAN ROSDY WAN ISMAIL**

Menteri Besar Pahang

23 Mac 2020